



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Kami: Bil.(56)dlm.PTGS/BPH/SEL10/31/99 Jld.28

Tarikh : 08 Disember 2020

22 Rabiulakhir 1442H

EDARAN SEGERA

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

Tingkat 4, Wisma Hangsam,
No.1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Ketua Pengarah

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN PEMBUKAAN SEMULA OPERASI KAUNTER BAHAGIAN
PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HASIL ARAS LG, PEJABAT TANAH DAN
GALIAN NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kaunter Bahagian Pendaftaran Hakmilik dan Bahagian Hasil Aras LG, PTGNS akan mula beroperasi seperti ketetapan berikut:

- (i) Operasi kaunter Bahagian Pendaftaran Hakmilik (kecuali kaunter pungutan) dan kaunter Bahagian Hasil Aras LG, PTGNS serta operasi transaksi pembayaran dan perserahan tanah (*landed*) *Smartbox* akan mula dibuka pada hari **Isnin, 14 Disember 2020**; dan

**PEMBERITAHUAN PEMBUKAAN SEMULA OPERASI KAUNTER BAHAGIAN
PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HASIL ARAS LG, PEJABAT TANAH DAN
GALIAN NEGERI SELANGOR**

(ii) Operasi kaunter pungutan akan mula dibuka pada hari **Isnin, 21 Disember 2020**.

3. Dimaklumkan juga bahawa urusan pembayaran cukai tanah dan cukai petak masih berjalan seperti biasa dan ianya boleh dibuat sama ada secara *online* melalui <https://ehasil.selangor.gov.my> atau bayaran tunai di mana-mana kaunter Unit Hasil Pejabat Daerah dan Tanah terdekat di Negeri Selangor.


4. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan urusan di Bahagian Pendaftaran Aras LG, ianya boleh diemelkan terus kepada pendaftaranptg@selangor.gov.my untuk maklum balas.

Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Kerjasama semua berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor